

26 JAN 2003

Mahathir-Singapura

MALAYSIA TAK IKTIRAF S'PURA SEBAGAI BERKUASA DI PERAIRAN PULAU BATU
PUTEH

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak mengiktiraf Singapura sebagai berkuasa di perairan Pulau Batu Puteh kerana kawasan itu masih dalam pertikaian dan keadaannya belum menentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan itu kita berhak seperti mana Singapura berhak," kata Perdana Menteri pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang hari ini sekembalinya dari lawatan kerja seminggu ke luar.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Singapura Dr Tan Keng Yam pada Rabu lepas, yang menggesa Malaysia supaya menghentikan pencerobohan bot tentera laut dan polis Malaysia di perairan Pulau Batu Puteh.

Mengenai kenyataan Menteri Luar Singapura S. Jayakumar bahawa tindakan republik itu berhubung Pulau Batu Puteh tidak ada bezanya daripada segi undang-undang dengan tindakan Malaysia berhubung Pulau Sipadan, Dr Mahathir berkata itu tidak benar.

"Tidak. Di Sipadan, pihak Indonesia pergi ke situ dan ada yang mendarat di sana, kita tidak sekat mereka.

"Ia (Pulau Sipadan) dipertikaikan. Kita tidak berkelakuan seperti Singapura, kita (Malaysia) tidak menghalau mereka (pihak Indonesia), dan tidak bergaduh dengan mereka atau cuba menghalau mereka," katanya.

Ditanya apakah tindakan Singapura memberi amaran kepada Malaysia supaya tidak menghampiri perairan Pulau Batu Puteh sedangkan tentera udara republik itu sering menceroboh masuk ke ruang udara Malaysia menunjukkan sikap angkuh dan bongkak negara itu, Dr Mahathir berkata: "Itu media boleh membuat tafsiran sendiri."

Mengenai kesediaan Singapura untuk menyelesaikan pertikaian air dengan Malaysia menerusi timbang tara, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkajinya terlebih dahulu.

"Kita akan kaji apa dia yang nak ditimbang dan tara," katanya.

-- BERNAMA

HS MFJ MAI